

Menangani masalah salah laku pelajar

Pembinaan tahap sosialisasi remaja menerusi aspek keagamaan harus jadi asas utama

B.H 27/07/07 M/S 13

Oleh Dr Sarjit Singh Gill

WACANA mengenai masalah disiplin pelajar sekolah sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Pelbagai langkah dan strategi diambil pihak bertanggungjawab, tetapi masalah itu belum diatasi sepenuhnya hingga turut membimbangkan kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

terlupa bahawa pelajar cepat menerima mesej bersifat negatif berbanding positif.

Golongan bertanggungjawab dalam membawa kewujudan budaya jenayah sama ada di sekolah mahupun luar sekolah adalah keluarga, iaitu ibu bapa. Keluarga adalah institusi sosial yang memainkan peranan cukup penting dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku moral pelajar. Namun, institusi itu semakin goyah dilanda pelbagai cabaran sa-

rus pemodenan yang menjurus kepada pentas teknologi maklumat dan era pensejagatan. Majoritinya tidak mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi untuk membantu remaja, terutama pelajar, sebaliknya lebih gemar menjadi penonton. Ternyata, masyarakat kini mempunyai sifat mementingkan diri. Ia satu perubahan pemikiran besar di kalangan masyarakat tentang budaya samseng di sekolah, sekali gus mencabar ke-

Pelajaran juga seharusnya mewajibkan semua pelajar sekolah menengah menyertai pasukan beruniform/seragam seperti Kadet Polis, Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Palapes, Taekwondo, Pencak Silat dan sebagainya, untuk membentuk nilai moral dan disiplin tinggi, sekali gus mengurangkan masalah budaya jenayah di sekolah. Ia diharap dapat membantu pelajar membina ketrampilan diri dan jati diri, sekali gus

Kementerian Pelajaran juga amat prihatin dengan profesional perguruan dalam menangani isu berkaitan dengan cara guru menangani masalah disiplin pelajar. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa setiap sekolah mempunyai pelajar bermasalah dan tidak berdisiplin. Ada saja laporan memabitkan jenayah pelajar sekolah menengah dalam kegiatan kongsi gelap, lumba motosikal haram, peras ugut, rogol dan mencuri. Ada pelajar sudah mula berani melanggar bukan saja peraturan sekolah, malah undang-undang negara. Dalam setahun, entah berapa ramai pelajar sekolah menengah dibuang sekolah kerana melakukan kegiatan salah laku dan samseng.

Persoalannya, apa sudah jadi dengan institusi sosial dalam kehidupan masyarakat Malaysia hari ini? Mengapa kita sering melatah apabila guru menjalankan tugas mereka mendisiplinkan pelajar? Bukankah kita sebenarnya yang bertanggungjawab dalam hal ini, misalnya kepincangan institusi keluarga, sogokan media massa, paparan filem yang ganas dan budaya hiburan melampau ini semua mencorakkan pemikiran dan daya tindak dalam kalangan pelajar?

Apakah pengajaran agama dan moral di sekolah gagal dalam usaha membentuk peribadi dan sahsiah serta etika pelajar? Apakah semua sekolah bermasalah perlu dijadikan 'penjara atau pusat tahanan'? Inilah beberapa persoalan penting yang jarang diberikan perhatian banyak pihak. Yang pasti, tahap disiplin pelajar terbabit dengan salah laku devian semakin meningkat dan membingungkan.

Perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh seluruh lapisan masyarakat. Kita gemar menuding jari kepada guru apabila pelajar melanggar disiplin. Inilah corak pemikiran sebahagian masyarakat Malaysia, mencari kesalahan orang lain sehingga terluca kesalahan anak sendiri.

Ada berpandangan bahawa jenayah dan tingkah laku melencong, iaitu devian pelajar berlaku kerana transformasi arus pembangunan zaman sehingga mencabar keutuhan nilai kehidupan manusia. Remaja memang mudah terpengaruh budaya luar yang dikatakan kurang sihat melalui televisyen dan media massa. Malah, ada juga beberapa rancangan siaran berbentuk ganas, komedi dan gosip ditayangkan di televisyen negara sehingga mencemarkan nilai moral, membawa mesej kurang baik. Penggiat seni juga sering

ma ada dari aspek ekonomi mahupun sosial.

Seharusnya asas utama perlu ditekankan sejak kecil lagi ialah pembinaan tahap sosialisasi anak menerusi aspek keagamaan, bak kata pepatah Melayu, 'kalau hendak melentur buluh, biar daripada rebungnya'. Semua ajaran agama mementingkan kebajikan dan menolak kejahatan. Tanpa ajaran agama bersifat fokus akan menyebabkan individu gagal memahami tuntutan agama dalam kehidupan dan mulai melanggar peraturan agama, sekolah mahu undang-undang negara. Inilah masalah besar dihadapi oleh majoriti ibu bapa yang 'terlupa' untuk menerapkan nilai agama yang murni ketika sosialisasi anak mereka.

Sejauh mana ibu bapa menerima pendidikan agama mereka akan menterjemahkannya ke dalam pemikiran anak mereka. Ia sebenarnya bergantung kepada penguasaan dan minat ibu bapa sendiri.

Peranan ibu bapa cukup penting dalam membentuk peribadi anak. Ibu bapa harus disalahkan kerana kelemahan pendidikan anak dan kelakuan devian pelajar di sekolah. Sosialisasi di rumah adalah suatu aspek perlu diberi perhatian sewajarnya oleh ibu bapa. Majoriti ibu bapa di bandar besar bekerja dan tidak mempunyai masa cukup untuk melayan dan memantau perkembangan pelajaran anak di sekolah.

Majoritinya mengharap guru dapat memberi perhatian sepenuhnya, termasuk membentuk peribadi anak mereka. Sebenarnya kebanyakan guru bimbang keselamatan mereka apabila berhadapan dengan pelajar mempunyai masalah disiplin serius. Perlu diingat, peristiwa hitam seorang pelajar menampar guru disiplinnya pada 2000 adalah kes cukup melampau kerana mereka sudah berani mengugut dan mengancam guru. Siapa pula seharusnya membela nasib guru diancam dan diugut pelajar?

Apakah langkah dan tindakan membuang pelajar bermasalah akan meredakan masalah disiplin pelajar? Adakah kajian dibuat selepas dibuang sekolah, ke mana hala tuju mereka seterusnya? Apa yang pasti, majoriti pelajar dibuang sekolah sudah pasti akan menjadi semakin liar dan bebas serta mulai berjinak dengan kegiatan jenayah yang lebih besar seperti merompak, membunuh, penagihan dan pengedaran dadah, pelacuran, perjudian dan sebagainya.

Setengah masyarakat kini leka dengan

peribadian dan jati diri pelajar sekolah.

Tidak dapat dinafikan bahawa sekolah sering kali dijadikan medan sasaran ibu bapa yang sentiasa mencari 'kelemahan' pentadbiran sekolah jika anak lemah dalam pelajaran dan menghadapi masalah disiplin. Masyarakat, terutama ibu bapa, tidak harus meletakkan tanggungjawab mendidik pelajar serta menangani masalah salah laku kepada sekolah semata-mata, sebaliknya perlu wujud kerjasama erat semua pihak. Sekolah terutama guru tidak boleh disalahkan seratus peratus kerana mereka sentiasa melakukan perkara terbaik dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah.

Kokurikulum bersepadu dengan penerapan nilai moral dapat membentuk peribadi mulia pelajar. Pelajar perlu memandang gurunya dengan penuh hormat dan meyakini bahawa guru, walaupun manusia biasa, kedudukannya lebih sempurna daripada murid. Sekiranya semua pelajar bersikap sedemikian, maka mereka akan memahami dan mengakui hak seseorang guru terhadap dirinya dalam proses mendidik agar menjadi insan baik dan beretika.

Peranan dan tanggungjawab Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga penting dalam menjana maklumat mengenai perkembangan pendidikan anak di sekolah. Ibu bapa seharusnya memberi kerjasama dengan PIBG dalam menjalankan aktiviti sosial seperti hari keluarga, bersukan, hari guru, kempen membaca dan melukis, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Pembabitkan ibu bapa secara aktif dengan sekolah sekali gus akan membawa banyak perubahan kepada pembelajaran dan disiplin anak di sekolah. Perlu diingat, pelajar sekolah melakukan tingkah laku melencong dan salah laku sebenarnya memerlukan perhatian, kasih sayang dan bimbingan yang menyeluruh daripada ibu bapa.

Peranan pihak kerajaan memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada 2004 memabitkan semua pelajar lepasan SPM pada 2003 juga adalah satu langkah bijak dalam usaha menangani masalah sosial pelajar. Bagi pelajar mempunyai masalah disiplin serius, mereka sewajarnya diberi tumpuan khas dengan cara memberikan latihan alaketenteraan yang lebih berat dan menerapkan nilai disiplin yang tinggi demi membentuk kembali sahsiah mereka. Selanjutnya pihak Kementerian

mengelakkan pembaziran masa di luar sekolah terutama di kafe siber dan pusat membeli-belah.

Komitmen Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein begitu penting diberikan perhatian dan perlu disokong oleh semua lapisan masyarakat dalam usaha memartabatkan profesion perguruan, terutama menangani masalah disiplin pelajar sekolah. Langkah Kementerian Pelajaran yang bakal meminda Peraturan-Peraturan Disiplin (Pelajar) 1957 untuk mengemaskini bentuk kesalahan dan tindakan yang boleh diambil oleh guru terhadap pelajar mempunyai masalah disiplin, adalah satu langkah proaktif dan perlu dipuji.

Peranan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani masalah disiplin pelajar, terutama yang terbabit dalam kegiatan jenayah dan kongsi gelap amat penting diberikan perhatian. Kerjasama berterusan diberikan PDRM dalam menangani jenayah di sekolah dan luar sekolah seharusnya mendapat sokongan dan bantuan masyarakat Malaysia.

Program motivasi anjuran PDRM dengan sekolah perlu diperluaskan demi mendidik pelajar mematuhi disiplin sekolah dan undang-undang negara. Begitu juga dengan agensi Pemadam yang boleh membantu memberi maklumat mengenai kesan gejala penagihan dadah. Tanpa kerjasama yang jitu akan menyukarkan lagi proses pembanteraan jenayah dan salah laku di sekolah. Mungkin, PDRM boleh menjadikan sekolah mempunyai kadar kejadian jenayah yang tinggi, yakni sekolah bermasalah sebagai 'sekolah angkat' dengan pegawai PDRM boleh keluar masuk demi memastikan disiplin pelajar terkawal.

Tiada seorang guru mahu melihat kemunduran pelajar. Pelajar adalah remaja yang menjadi aset bernilai dalam menerajui kepemimpinan masa depan negara. Proses pendidikan dan penerapan kerohanian serta kesedaran yang murni serta berterusan penting untuk membasmi jenayah dalam dan luar sekolah. Sudah tentu kita semua tidak mahu pelajar meniru pelajar dari negara Amerika Syarikat yang berani membawa senjata api dan melakukan pembunuhan di sekolah!

Penulis adalah Pensyarah Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)